

**BUGIS DI SABAH DAN PRU-14: KAJIAN
KES PARLIMEN KALABAカン
*BUGIS IN SABAH AND GE-14: CASE STUDY
OF KALABAカン PARLIAMENT***

AMRULLAH MARAINING¹ ZAINI OTHMAN² EKO PRAYITNO JOKO³
SAAT AWANG DAMIT⁴

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

amrullahmaraining86@ums.edu.my¹, zo@ums.edu.my²,
ekoprayitnojoko@gmail.com³, saatag@ums.edu.my⁴

ABSTRAK Dalam konteks Malaysia, umumnya persoalan politik berbaur keetnikan sering kali berfokus kepada Melayu, Cina dan India. Hal ini barang kali dipengaruhi oleh latar belakang sejarah negara terkait dengan pengisytiharan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 yang diperoleh hasil daripada kesepakatan bersama ketiga-tiga etnik ini di bawah payung Parti Perikatan. Kesepakatan bersama etnik ini berterusan sehingga Sabah dan Sarawak bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu membentuk Malaysia pada 16 September 1963. Hakikat sejarah yang menyaksikan perkongsian beberapa peristiwa besar negara inilah yang adakalanya dari sisi lain membuatkan dimensi pemikiran kelompok akademik mahupun bukan akademik menjadi sempit dan terkongkong sifatnya. Natijahnya, dimensi kajian politik negara khususnya yang berkenaan politik etnik sering kali dihujani penulisan dengan memfokuskan Melayu, Cina dan India sebagai subjek kajian khususnya menjelang pilihan raya umum. Agak jarang diketengahkan etnik lain khususnya di Sabah dan Sarawak yang sebenarnya juga memainkan peranan yang sangat signifikan dalam menentukan hala tuju politik negara. Salah satunya adalah komuniti Bugis di pantai timur Sabah yang sungguhpun berdasarkan latar sejarah Sabah keterlibatannya dalam arena politik negeri Sabah khususnya bagi Parlimen Kalabakan menjelang PRU-14 adalah jelas, namun jarang sekali dijadikan subjek kajian dan sering kali dikebelakangkan. Menyedari kekurangan tersebut, maka makalah ini hadir untuk mengetengahkan peranan dan keberadaan komuniti Bugis di Sabah khususnya dalam konteks politik Sabah khasnya di pantai timur. Dalam memahami realiti ini, metode yang digunakan bagi mendapatkan maklumat dan data adalah menerusi temu bual secara langsung dengan responden yang terlibat, yang terdiri daripada pimpinan politik di barisan kerajaan mahupun pembangkang.

Kata kunci: Politik Bugis, Kalabakan, Tawau, Sabah, PRU-14.

ABSTRACT In the context of Malaysia, the politics of ethnic diversity often focus on Malays, Chinese and Indians. This is probably influenced by the historical background of the country concerned with the declaration of independence on August 31, 1957 which was obtained by the agreement of these three ethnic groups under the Alliance Party umbrella. This ethnic collective agreement continued until Sabah and Sarawak together with the Federation of Malaya formed Malaysia on 16 September 1963. The historical fact of witnessing the sharing of some of the major events of the country is that sometimes from the other side of the minds of academic or non-academic groups sometimes become narrow and tangled its nature. As a result, the dimensions of national political studies, especially on ethnic politics are often bombarded by writing focusing on Malay, Chinese and Indian as subjects especially in the run-up to the general elections. It is rarely highlighted by other ethnicities, especially in Sabah and Sarawak which also play a very significant role in determining the country's political direction. One of them is the Bugis community on the east coast of Sabah, which is based on Sabah's historical background that its involvement in Sabah's political arena, especially for the Kalabakan parliament by the GE-14 which is rarely studied. Recognizing the caps, this paper is to highlight the role and existence of Bugis communities in Sabah especially in the context of Sabah politics, especially the east coast. In understanding this reality the method used to obtain information and data is through direct interviews of respondents involved in the political leadership of the government or opposition.

Keywords: Bugis politics, Kalabakan, Tawau, Sabah, GE-14.

PENGENALAN

Dalam konteks Malaysia, umumnya persoalan politik berbaur keetnikan sering kali berfokus kepada Melayu, Cina dan India. Hal ini barang kali dipengaruhi oleh latar belakang sejarah negara yang terkait dengan pengisytiharan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 yang diperoleh hasil daripada kesepakatan bersama ketiga-tiga etnik ini di bawah payung Parti Perikatan (Cheah, 2002).

Kesepakatan bersama etnik ini berterusan sehingga Sabah dan Sarawak bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu membentuk Malaysia pada 16 September 1963 (Syed Husin, 2017). Hakikat sejarah yang menyaksikan perkongsian beberapa peristiwa besar negara inilah yang adakalanya dari sisi lain membuatkan dimensi pemikiran kelompok akademik mahupun bukan akademik menjadi sempit dan terkongkong sifatnya. Natijahnya, dimensi kajian politik negara khususnya berkenaan politik etnik sering kali dihujani penulisan dengan memfokuskan Melayu, Cina dan India sebagai subjek kajian khususnya menjelang pilihan raya umum. Bukti jelas dengan melihat beberapa penulisan yang berfokus kepada ketiga-tiga etnik ini seperti penulisan yang dihadirkan oleh Norhayati (2008) yang membincangkan politik pilihan raya dengan menumpukan perhatian terhadap orang-orang Melayu berkaitan dengan Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12) yang berlangsung pada 8 Mac 2008. Hasil penelitiannya mendapati bahawa kemerosotan pencapaian BN yang dipelopori oleh *United Malays National Organisation* (UMNO) dalam PRU-12 adalah akibat penolakan terhadap Barisan Nasional (BN) dianggap sebagai ‘tsunami’ politik Melayu. Penolakan tersebut ekoran kedudukan ekonomi orang Melayu sebagai penduduk majoriti negara ini yang kebanyakannya masih ketinggalan dalam pelbagai bidang. Penulisan seterusnya berkenaan etnik Cina diteruskan oleh Fitri (2016) dengan tujuan makalahnya meninjau budaya politik orang Cina, isu-isu pilihan raya yang menjadi keutamaan kaum Cina, serta arah sokongan pengundi Cina terhadap parti-parti politik. Asas penulisan adalah berdasarkan perubahan sokongan pengundi Cina terhadap parti-parti politik selepas kemerdekaan sehingga pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2013. Bagi penulisan melibatkan etnik India pula, Kumar (2014) dengan penelitiannya menungkai faktor pendorong kaum India untuk mengundi Pakatan Rakyat (PR) dalam pilihan raya umum ke-14; antaranya adalah peminggiran kaum India dalam pembangunan negara, implikasi perjuangan *Hindu Rights Action Force* (HINDRAF), kekurangan perwakilan bagi kaum India dalam kerajaan, strategi *Malaysian Indian Congress* (MIC) dalam kempen pilihan raya, perjuangan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH).

Di Sabah, senario yang sama juga membentengi ruang fikir, bukan sahaja ahli akademik tetapi juga masyarakat kebanyakan. Jika di Semenanjung tumpuan lebih diberikan kepada Melayu, Cina dan India atas citra sejarah

berdasarkan beberapa penulisan yang telah dihasilkan, di Sabah pula kajian politik etnik diawali dengan penulisan James Chin (1994) yang memfokuskan komuniti Kadazandusun dengan menungkai kekalahan Parti Bersatu Sabah (PBS) pimpinan Tan Sri Joseph Pairin Kitingan di tangan BN/UMNO pada Pilihan raya Umum Negeri Sabah 1994. Penulisan tentang komuniti ini kemudiannya diteruskan oleh Arnold Puyok dan Tony Paridi (2011) dengan makalahnya yang meneliti peranan identiti etnik, perpaduan budaya dan institusi kepimpinan pribumi dalam membentuk perubahan politik dalam kalangan komuniti Kadazandusun. Penemuannya menunjukkan bahawa komponen identiti etnik masih penting dalam kelangsungan hidup politik Kadazandusun. Sebenarnya, penulisan ini berkesinambungan dari penulisan terdahulu yang dihasilkan oleh Arnold Puyok (2008) yang merungkai tindakan komuniti Kadazandusun yang sebelum pilihan raya dikatakan telah dapat ditawan oleh parti pembangkang Sabah yang pada ketika itu Parti Keadilan Rakyat (PKR) tetapi menjelang pilihan raya tetap kekal menyokong kuat BN (lihat juga Lee & Mohd Safar, 2016).

Sungguhpun terdapat penulisan awal tentang politik etnik di Sabah, ia hanya berfokus kepada satu etnik sahaja. Bagi komuniti lain seperti Murut, Bajau Sama, Brunei dan Lundayeh yang juga merupakan antara komuniti dominan, sehingga kini masih lagi berkecimpung dalam ruang legar adat dan tradisi, budaya, kesenian, migrasi dan sejarah. Dalam erti kata lain, dimensi kajian politik etnik masih belum diketengahkan dan banyak kelompongan yang perlu diisi dan tidak diberi tumpuan. Hal ini jelas kelihatan menerusi kekurangan penulisan berkenaan komuniti tersebut dalam merungkai peranannya dalam politik Sabah. Keadaan ini bukan saja membelenggu etnik dominan pantai barat, tetapi juga etnik pantai timur khususnya komuniti Bugis yang menjadi fokus perbincangan dalam makalah ini. Dalam konteks komuniti Bugis sebenarnya penulisan berkaitan komuniti ini telahpun diketengahkan menerusi beberapa orang penulis terdahulu seperti Suraya Sintang (2007) dengan bukunya berjudul ‘Sejarah dan Budaya Bugis di Tawau, Sabah,’ Walaubagaimanapun penulisan buku ini hanya berfokus kepada sejarah awal kedatangan komuniti Bugis ke Sabah dan mengangkat tradisi serta budaya meliputi cara hidup komuniti ini sahaja. Tidak cukup dengan penulisan berkenaan etnik ini, persidangan yang memfokuskan komuniti Bugis juga turut diadakan dan diakhiri dengan penulisan sebuah

buku prosiding persidangan nukilan Osman Jamal *et al.* (2007) yang berjudul ‘Bugis Sabah: Memperkasa Citra dan Jati Diri’ turut dihasilkan. Malangnya prosiding persidangan tersebut juga tidak menyentuh sedikit pun penglibatan komuniti Bugis dalam pentadbiran mahupun politik melainkan penglibatan dalam ekonomi, memperkuuh jati diri dan cabaran masa depan.

Selain dari penulisan tentang komuniti Bugis yang dihadirkan dari perspektif sejarah kedatangan seperti yang juga dihujahkan oleh Asmiaty Amat (2017) menerusi karyanya ‘Bugis Sabah,’ terdapat juga penulisan dari dimensi yang menyangkut isu kontemporari seperti keterlibatan komuniti Bugis sebagai tenaga kerja Indonesia di Sabah yang dikatakan dipengaruhi oleh dua faktor penting iaitu jaringan sosial dan tuntutan ekonomi (lihat Md. Saffie, 2007 dan 2016). Hal ini jelas menerusi penelitian Wan Shawaluddin, Ramli dan Devi Herviani (2015) berjudul Tenaga Kerja Indonesia (TKI) Bugis dalam Sektor Perladangan Kelapa Sawit di Sabah. Walaupun penulisan berkaitan komuniti Bugis telah lama dan sering kali dijadikan fokus kajian tidak kira di peringkat akademik mahupun bukan akademik, sehingga kini masih tidak ada kajian yang membahas persoalan keterlibatan dalam politik khususnya berkenaan ruang dan peluang komuniti Bugis.

Melihat kepada senario ini, ia seakan-akan menggambarkan bahawa etnik Bugis yang sungguhpun memainkan peranan yang cukup penting dalam politik di pantai timur kerana bilangan yang agak besar berjumlah 108,862 orang dan berdaftar sebagai pemilih dalam pilihan raya umum namun ia seakan diketepikan peranannya (UMNO, JASA, KEMAS, SPR, PKR, 2018). Walhal, secara realitinya jumlah etnik Bugis yang dicatatkan ini cukup untuk menggambarkan kuasa politik khususnya di pantai timur Sabah. Menyedari kekurangan tersebut, maka makalah ini hadir untuk mengetengahkan etnik Bugis dalam pentas politik Sabah yang sekian lama suram dan adakalanya dinafikan keberadaannya. Atas tujuan tersebut, Parlimentari Kalabakan yang majoritinya pengundi Bugis akan dijadikan kajian kes bagi memperlihatkan keterlibatan orang Bugis yang selama ini kurang ditonjolkan khususnya dalam bentuk penulisan ilmiah. Dalam memahami realiti ini metode yang digunakan bagi mendapatkan maklumat dan data adalah menerusi temu bual secara langsung dengan responden yang terlibat, iaitu terdiri daripada pimpinan politik di barisan kerajaan mahupun pembangkang. Secara dasarnya,

makalah ini dibahagikan kepada beberapa bahagian, pertama memaparkan konsep politik etnik, kedua menjelaskan latar belakang Parlimen Kalabakan dan latar demografi komuniti Bugis Sabah serta mengetengahkan keberadaan komuniti Bugis sebagai pengundi terbesar di Kalabakan, ketiga, membahaskan isu dan perdebatan yang dibahagikan kepada dua, iaitu dalam konteks Sabah keseluruhannya dan konteks Kalabakan secara khususnya berdasarkan dua kriteria penting, iaitu ketersediaan, penglibatan terkait hak politik dan penyatuhan dalam persatuan. Bahagian keempat adalah hala tuju komuniti Bugis pasca PRU-14 dan bahagian akhir adalah kesimpulan.

POLITIK ETNIK

Bagi memberi penjelasan dan pemahaman yang utuh tentang politik etnik, adalah sangat penting untuk mengetahui terlebih dahulu sejarah perkembangan dan makna politik etnik agar keseluruhan makalah ini dapat difahami dengan jelas. Menelusuri perkembangan politik etnik, ia sebenarnya telah diwacanakan semasa simposium di Wina, Swiss sejak tahun 1994.

Menurut pelbagai sumber, politik etnik ini muncul dari ajaran falsafah pascastrukturalis dan dipopularkan oleh Foucault (1979) dengan istilah biopolitik yang berasal dari kata *biopower*. Kemudian, berkembang dan menghasilkan dua aliran politik etnik iaitu *Anglo-phone*; memfokuskan pada masalah hak dan tuntutan penduduk asli peribumi (*indigenous people*) dan *Anglo-American* yang berfokus kepada masalah pembangunan seperti gelombang migrasi, keberadaan kelompok agama, pengaruh budaya, perdebatan tentang kemerosotan *civic culture* dan bangkitnya ‘anti politik’.

Secara epistemologinya, politik etnik didefinisikan sebagai tindakan yang mengkedepankan kepentingan kelompok kerana memiliki kesamaan identiti atau karakteristik, baik dari segi etnik, gender, agama dan sebagainya (Sofyan, 2014). Dari sisi lain, politik etnik juga ditakrifkan sebagai perlakuan daripada sekumpulan manusia yang mempunyai kebudayaan, ras dan asal usul yang sama, bertindak untuk menjadi ‘superior’ dan menguasai sesuatu sama ada secara konstitusionalisme mahupun non-konstitusionalisme (Barth, 1988).

Sungguhpun pendefinisian umum tentang politik etnik jelas mengetengahkan persoalan kekuasaan terkait kepentingan sesebuah etnik seperti yang diujahukan oleh Sofyan (2014), dalam makalah ini politik

etnik yang cuba dibahaskan dengan mengetengahkan etnik Bugis bukanlah bertujuan untuk membahaskan persoalan kuasa berhubung superiornya sesebuah komuniti tetapi sifatnya lebih kepada pendedahan kepada umum tentang keberadaan komuniti Bugis yang seakan-akan termarginalisasikan dalam ruang lingkup politik dan pentadbiran negeri Sabah sehingga ada ketikanya berstatus *pesona-non-grata*.

LATAR BELAKANG PARLIMEN KALABAカン

Kalabakan ialah sebuah kawasan yang terletak di bahagian barat daerah Tawau. Jaraknya dari Bandar Tawau adalah kira-kira 106 kilometer. Kalabakan pada hari ini hanyalah sebuah pekan terpencil yang jauh ketinggalan, keadaannya tidak gah seperti parlimen lain di negara ini yang kebiasaannya ditandai dengan mercu tanda bandar atau pekan yang membangun pesat dengan kerancakan ekonomi. Dari lensa sejarah, Kalabakan mendapat nama daripada perkataan ‘kalap angkan’ bermaksud ‘dapat makan’ yang berasal dari bahasa suku kaum Tidong yang merupakan etnik majority, selain kaum Murut di awal pembukaannya. Kalabakan merupakan antara kampung tertua di Sabah yang dibuka sebelum pembentukan Malaysia. Pada hari ini ekoran daripada pergerakan masyarakat dan migrasi yang berterusan menyebabkan kampung ini kini didiami oleh pelbagai suku bangsa dan etnik.

Dari aspek penguasaan politik, Parlimen Kalabakan kini diletakkan di bawah kelolaan YB Mamun Sulaiman dari Parti Warisan selepas menamatkan dominasi 35 tahun (tujuh penggal) penguasaan Dato Panglima Abdul Ghafur Hj. Salleh, selaku Ahli Parlimen mewakili Parti UMNO-BN pada PRU-14 baru-baru ini. Di peringkat DUN pula ia dibahagikan kepada tiga (i) DUN Tanjung Batu diwakili oleh calon UMNO-BN YB Dato’ Hajjah Hamisa Samat dulunya dan kini beralih menyertai Parti Warisan, (ii) DUN Merotai oleh calon Parti Warisan YB Saripuddin Hatta dan seterusnya (iii) DUN Sebatik yang juga diwakili kerusi UMNO-BN YB Dato’ Abdul Muis Picho dulunya dan kini juga beralih kepada Parti Warisan.



Rajah 1 Sempadan daerah mengundi Parlimen Kalabakan

Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya, Cawangan Sabah, 2018

Berdasarkan data profil pengundi, Parlimen Kalabakan terdiri dari majoritinya etnik Bugis, Tidung, Murut, dan beberapa komuniti lain seperti Bulungan, Bajau, Iban, Cina dan lain-lain (UMNO, JASA, KEMAS, SPR, PKR, 2018). Bagi kesemua kelompok etnik ini, Bugis dan Tidung dan Murut merupakan etnik pendukung kuat Parti UMNO-BN sejak 35 tahun yang lalu sebelum ditumbangkan oleh Parti Warisan pada pilihan raya umum ke-14 yang diadakan pada 9 Mei 2018.

LATAR BELAKANG PERTAPAKAN DAN DEMOGRAFI BUGIS DI SABAH

Berdasarkan catatan sejarah awal dan fakta yang direkodkan secara bertulis, penulisan terawal tentang keberadaan orang Bugis di Tawau dikemukakan oleh beberapa sarjana (Warren, 1985; Suraya, 2016 dan Goodlet, 1977. Lihat juga Marja Azlina *et al.*, 2006). Menurut beliau, sejarah pertapakan awal orang Bugis di Sabah bermula dengan pembukaan tanah di Tawau untuk tujuan perladangan kelapa oleh Puado¹ sekitar tahun 1882 (Goodlet, 2010). Pada ketika ini Puado merupakan ‘orang tua’ atau penghulu kampung yang

pertama dan terlibat dalam pembangunan awal komuniti Tawau yang pada ketika itu terdiri daripada beberapa etnik lain seperti Tidong, Suluk, dan Banjar sehingga akhirnya membawa kepada kemunculan perkampungan terawal di Tawau lama dengan hanya 20 buah rumah yang terletak di muara Sungai Tawau dan dikenali sebagai ‘*Bugis town*’ sekitar tahun 1905. Pelantikan Puado sebagai ketua kampung menjadi titik mula pertapakan Bugis di Tawau dan membuktikan penglibatan awal Bugis dalam kepimpinan politik lokal. Rentetan dari pertapakan terawal inilah yang seterusnya menghadirkan beberapa personaliti Bugis lain di daerah Tawau seperti Daeng Mappata, Wak Neke, Wak Gempe, Haji Osman dan ramai lagi (Nordin *et al.*, 2009 dan Wan Shawaludin & Ramli *et al.*, 2015). Keberadaan tokoh komuniti Bugis yang lahir di Tawau membawa kepada anggapan bahawa Bugis hanya majoriti dan bertapak di Tawau sahaja, walhal jumlah Bugis di Tawau adalah rendah berbanding Bugis di Kalabakan. Pemikiran ini pasti bersandarkan latar belakang sejarah komuniti Bugis di Sabah yang sering kali dikaitkan dengan daerah Tawau sebagai ‘*genesis*’ asalnya sebelum berkembang ke daerah lain di Sabah. Oleh hal yang demikian, tidak menghairankan apabila keberadaan Bugis di daerah lain di pantai timur walaupun jumlahnya agak besar dan tampil sebagai kelompok majoriti, akan tetapi masih jarang diketengahkan dan seakan-akan begitu asing untuk dibicarakan terutamanya dalam ruang politik. Hal ini jelas berdasarkan data pecahan pemilih mengikut suku kaum di Sabah bagi suku (ke- 4/2017) yang dikeluarkan oleh pelbagai parti politik dan agensi menjelang PRU-14 baru-baru ini yang memperlihatkan secara terperinci daerah lain di Sabah yang di dominasi oleh Bugis selaku pengundi atau pemilih terbesar selain daerah Tawau.

Salah satunya adalah Parlimen Silam yang merangkumi tiga DUN iaitu Lahad Datu, Kunak dan Tungku. Parlimen Silam mempunyai bilangan pengundi seramai 61,014 orang, iaitu 21 peratus merupakan pengundi Bugis (UMNO, JASA, KEMAS, SPR, PKR, 2018). Berdasarkan data tersebut, komuniti Bugis merupakan kelompok dominan yang menjadi penentu dalam kuasa politik bagi dua DUN di Parlimen Silam iaitu DUN Lahad Datu dan DUN Kunak. Lahad Datu mempunyai jumlah pemilih berdaftar seramai 28,703 orang (UMNO, JASA, KEMAS, SPR, PKR, 2018). Komuniti Bugis merupakan pengundi majority, iaitu berjumlah 20 peratus jauh lebih besar berbanding etnik lain seperti Kadazandusun 4.8 peratus, Melayu 18.4 peratus,

Cina 15.3 peratus, Bajau 13.9 peratus, Brunei 0.75 peratus, Sungai 0.4 peratus, Suluk 3.3 peratus, Rungus 0.04 peratus, Bisaya 0.1 peratus, Banjar, Cocos dan Tidung 2.7 peratus, Bumiputera Sabah 4.9 peratus dan lain-lain 13.9 peratus (UMNO, JASA, KEMAS, SPR, PKR, 2018). Hal yang sama juga berlaku di daerah Kunak yang mempunyai 14,516 orang pemilih berdaftar. Etnik Bugis juga merupakan kelompok dominan sebanyak 29.3 peratus berbanding etnik lain seperti Kadazandusun seramai 2.2 peratus, Melayu 25.7 peratus, Cina 2.9 peratus, Bajau 23.3 peratus, Brunei 0.5 peratus, Sungai 0.3 peratus, Suluk 3.2 peratus, Rungus 0.06 peratus, Bisaya 0.1 peratus, Banjar, Cocos dan Tidung 3.87 peratus, Bumiputera Sabah 0.26 peratus dan lain-lain 7.7 peratus (UMNO, JASA, KEMAS, SPR, PKR, 2018).

Bagi DUN Tungku yang mempunyai bilangan pemilih berdaftar berjumlah 17 795 orang pula, ia tidak memperlihatkan dominasi Bugis seperti di DUN Kunak dan Lahad Datu. Komuniti Bugis bukan merupakan kelompok dominan di Tungku kerana Melayu mencatatkan jumlah pengundi tertinggi seramai 22.5 peratus berbanding komuniti Bugis yang hanya mempunyai 17.4 peratus pengundi berdaftar. Bagi etnik lain, jumlahnya agak statik iaitu lebih kurang sama seperti di kawasan lain iaitu Kadazandusun, seramai 10.2 peratus, Cina 8.4 peratus, Bajau 18.4 peratus, Brunei 0.7 peratus, Sungai 1.0 peratus, Suluk 4.8 peratus, Rungus 0.06 peratus, Bisaya 0.1 peratus, Banjar, Cocos dan Tidung 2.6 peratus, Bumiputera Sabah 2.6 peratus dan lain-lain 10.5 peratus (UMNO, JASA, KEMAS, SPR, PKR, 2018). Dominasi Melayu di Tungku ini adalah dipercayai ekoran kawasan tersebut merupakan lokasi penempatan tentera dan pusat gerakan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM), ditambah dengan keberadaan guru Semenanjung yang bertugas di Tungku.

Sebenarnya, jumlah komuniti Bugis selaku pengundi berdaftar di Parlimen Silam, Kalabakan dan seluruh daerah lain di Sabah adalah jauh lebih besar dan tidak hanya seperti yang direkodkan iaitu seramai 108,862 orang sahaja (UMNO, JASA, KEMAS, SPR, PKR, 2018). Dalam konteks Sabah, sebenarnya terdapat satu fenomena yang membenggu dan rasanya sudah jelas iaitu komuniti Bugis sendiri adakalanya bercelaru dalam menentukan identiti mereka semasa mendaftar sebagai pemilih. Kecelaruan

tersebut dipercayai berhubung kait dengan persoalan kelangsungan hidup dan kurangnya kesedaran sejarah dan pemahaman tentang gagasan negara bangsa. Sebilangan daripada mereka kadang kala lebih selesa mengidentitikan diri mereka sebagai ‘Melayu’. Perkara ini seiring dengan apa yang berlaku pada etnik Bugis, Jawa, Batak dan Minang di Semenanjung yang dikelompokkan di bawah payung Melayu atau dalam erti kata lain ‘masuk Melayu’ seperti yang diujahkan oleh Milner (1982).

Gejala kecelaruan identiti etnik ini bukan hanya berlaku dalam kalangan etnik Bugis sahaja tetapi juga melibatkan etnik seperti Bajau, Suluk, Bulungan dan beberapa etnik yang juga dilihat lebih selesa menggunakan ‘Melayu’ sebagai identiti mereka. Atas sebab yang demikian, tidak menghairankan apabila dalam data pemilih mengikut etnik yang dikeluarkan di Sabah pada suku ke-4/ 2017 mencatatkan jumlah pengundi Melayu berdaftar adalah paling ramai iaitu 240,986 orang (UMNO, JASA, KEMAS, SPR, PKR, 2018). Angka ini terlalu besar dan di luar logik akal untuk menjustifikasi keberadaan kelompok ini sebagai benar bermastautin di Sabah. Sungguhpun terdapat penjelasan tentang keberadaan mereka ini yang sering kali dikaitkan dengan perkhidmatan di sektor kerajaan sebagai guru, tentera dan pelbagai sektor swasta di Sabah, akan tetapi ia masih tidak relevan kerana bilangannya terlalu ramai mengatasi jumlah etnik dominan.

Melihat kepada keadaan tersebut, adalah jelas komuniti Bugis merupakan kelompok dominan yang menjadi penentu kuasa politik di kedua daerah khasnya dan bagi Parliment Silam umumnya. Selain daerah tersebut, terdapat juga penempatan komuniti Bugis di kawasan lain seperti Sandakan (8.3 peratus), Batu Sapi (9.8 peratus), Keningau (5.3 peratus), Semporna (5 peratus), Kinabatangan (12 peratus), Beluran (6.7 peratus) dan beberapa daerah lain di pantai barat seperti Kudat (3.4 peratus), Kota Marudu (4.7 peratus), Kota Belud (4.4 peratus), Tuaran (4.4 peratus), Sepanggar (7.3 peratus), Tenom (6.4 peratus), Ranau (3.9 peratus), Putatan (7.2 peratus), Penampang (4.9 peratus), Papar (8 peratus), Kimanis (4.8 peratus), Beaufort (5 peratus), Sipitang (5 peratus) dan Kota Kinabalu (4 peratus) (UMNO, JASA, KEMAS, SPR, PKR, 2018).

Walaupun keberadaan komuniti Bugis berdasarkan data yang dikategorikan sebagai kawasan lain mencatatkan jumlah yang agak besar sebanyak 48 peratus daripada jumlah keseluruhan pengundi Bugis dianggarkan berjumlah 108,862 (UMNO, JASA, KEMAS, SPR PKR, 2018). Namun, keberadaan mereka di daerah lain ini jarang diketengahkan kerana mereka merupakan kelompok minoriti yang tinggal bercampur bersama etnik lain tidak seperti di daerah utama mereka seperti di Kalabakan, Tawau dan Silam yang menunjukkan dominasi dominan mereka. Melihat kepada jumlah komuniti Bugis yang cukup besar bilangannya dan keupayaannya sebagai penentu kuasa politik terutamanya menjelang Pilihan raya umum di Sabah yang diadakan lima tahun sekali berdasarkan prinsip demokrasi, Hakikat keberadaan etnik ini yang cukup besar bilangannya seharusnya sangat perlu untuk diketengahkan bagi membuka mata ramai pihak tentang keberadaan komuniti Bugis yang bukan hanya di Tawau dan Parlimen Kalabakan tetapi juga di daerah lain termasuk di pantai barat Sabah.

BUGIS DI SABAH: ISU DAN PERDEBATAN

Dalam konteks Sabah amnya perdebatan yang berlaku melibatkan komuniti Bugis biasanya didominasi oleh beberapa isu utama, iaitu persoalan status terkait kewarganegaraan, persoalan status pemilikan tanah dan peluang ekonomi (lihat Amrullah & Ramli, 2018; Amrullah *et al.*, 2018; Ramli *et al.*, 2015 dan 2016 dan Lee, 2015). Bagi isu kewarganegaraan, status komuniti Bugis di Sabah sering dipertikaikan, suara sumbang ‘Bugis pendatang’ dan ‘bukan orang lokal’ sering kali kedengaran. Agak menghairankan apabila taraf kelayakan komuniti Bugis sebagai warganegara turut dipersoalkan walhal umumnya mengetahui bahawa jika komuniti Bugis adalah pendatang mana mungkin pula ia mempunyai hak dan kelayakan untuk mengundi memilih kerajaan dalam pilihan raya umum berdasarkan prinsip demokrasi. Bukankah dalam artikel 119 Perlembagaan Persekutuan Malaysia jelas menyatakan hanya mereka yang sah taraf kewarganegaraan sahaja yang mempunyai hak sedemikian (Federal Constitution, 2010). Rentetan dari isu status kewarganegaraan tersebut melarat pula ke isu pemilikan tanah yang juga memperlihatkan komuniti Bugis dinafikan haknya untuk membeli dan memiliki tanah. Tidak cukup dengan itu, peluang ekonomi yang menyaksikan

keterlibatan etnik Bugis dalam bidang perniagaan juga turut diangkat menjadi isu penting. Ia sebenarnya berpunca daripada persaingan yang mana pada akhirnya menjadikan isu ‘lokal’ dan ‘bukan lokal’ sebagai jalan keluar dengan memperlihatkan seolah-olah wujudnya perlanggaran hak yang mana sering kali dijadikan asas konflik (lihat misalnya Ramli & Kamarulnizam, 2017 dan 2018 dan Wan Shawaluddin & Ramli, 2008 dan 2011).

Ketiga-tiga isu ini merupakan modal utama yang sering kali dimainkan tidak kira oleh aktor politik, pihak berkepentingan mahupun masyarakat kebanyakannya seperti etnik Kadazandusun, Murut, Bajau dan lain-lain lagi (Wan Shawaluddin *et al.*, 2008). Tindakan ini bermotif menidakkannya hakikat bahawa komuniti Bugis merupakan pemastautin di negeri ini dan memegang status warganegara. Isu sensitif ini mendapat perhatian ramai kerana sering kali membangkitkan sentimen etnik, terutamanya membicarakan persoalan terkait hak Bumiputera Sabah. Perkara ini jelas berdasarkan perspektif harian, iaitu apabila bercakap tentang komuniti Bugis di Sabah, perkara pertama yang wujud dalam benak fikiran sebilangan masyarakat khususnya di pantai barat adalah pendatang tanpa izin, tidak mempunyai dokumen, masuk secara haram dan sering dikaitkan dengan pencerobohan tanah. Pemikiran negatif tersebut sangat bahaya kerana boleh mengancam kestabilan dan toleransi etnik yang telah dikecapi dengan jayanya di Sabah (Ramli *et al.*, 2015 dan 2016). Isu ini sangat popular dan sering dimainkan sebagai modal politik khususnya menjelang PRU-14 yang telah pun berakhir dengan menyaksikan perubahan tampuk pemerintahan negara setelah 60 tahun lamanya didominasi oleh Parti UMNO/BN kini diterajui oleh Parti Pakatan Harapan pimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad (Wan Shawaluddin *et al.*, 2012.).

BUGIS SEBAGAI PENGUNDI TERBESAR DI PARLIMEN KALABAカン

Kalabakan merupakan salah satu kawasan Parlimen di Sabah yang mempunyai bilangan pengundi yang paling ramai iaitu 52,269 orang pengundi berdaftar. Daripada jumlah keseluruhan pengundi berdaftar yang direkodkan, pengundi Bugis merupakan pengundi paling ramai dengan mencatatkan jumlah sebanyak 44 peratus daripada jumlah keseluruhan pengundi Bugis. Jumlah ini

merupakan jumlah keseluruhan bagi bilangan pengundi di ketiga-tiga DUN di bawah Parlimen Kalabakan, iaitu DUN Tanjung Batu yang mencatatkan jumlah tertinggi pengundi Bugis berjumlah 10,485 orang diikuti DUN Merotai berjumlah 9,940 orang pengundi, seterusnya DUN Sebatik mencatatkan jumlah pengundi Bugis seramai 2443 orang (UMNO, JASA, KEMAS, SPR, PKR, 2018).

Jika ditelusuri lebih spesifik, data pengundi mengikut DUN secara lebih terperinci adalah sangat jelas memperlihatkan dominasi komuniti Bugis bagi ketiga-tiga DUN berbanding etnik lain. Seperti di DUN Merotai misalnya, Bugis mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu 48 peratus berbanding Melayu yang hanya mencatatkan jumlah 16 peratus, Kadazandusun Murut 2 peratus, Cina 16 peratus, Bajau 2.3 peratus, Brunei 1 peratus, Banjar, Cocos, Tidung, Sungai, Rungus, Bisaya mencatatkan jumlah 6 peratus, Suluk 1 peratus dan lain-lain sebanyak 7.6 peratus (UMNO, JASA, KEMAS, SPR, PKR, 2018). Bagi DUN Tanjung Batu, ia juga memperlihatkan senario yang sama iaitu dominasi komuniti Bugis sebagai pengundi majority. Hal ini jelas menerusi jumlah pengundi Bugis berjumlah 44 peratus mendominasi komuniti lain seperti Kadazandusun Murut yang hanya mencatatkan jumlah 3.8 peratus, Melayu 22 peratus, Cina 3 peratus, Bajau 4.5 peratus, Suluk 1.7 peratus, manakala Banjar, Cocos dan Tidung berjumlah 9 peratus (UMNO, JASA, KEMAS, SPR, PKR, 2018). Bagi DUN Sebatik pula, ia masih memperlihatkan Bugis sebagai majoriti tetapi ia tidak memperlihatkan jumlah perbezaan yang terlalu besar. Berdasarkan data, pengundi Bugis di DUN Sebatik hanya mencatatkan jumlah sebanyak 32 peratus, sedangkan pengundi Melayu berjumlah 24 peratus hanya 8 peratus perbezaan bagi komuniti lain seperti Kadazandusun Murut mencatatkan jumlah 3.3 peratus, Cina 4.8 peratus, Bajau sebanyak 8 peratus, Banjar, Cocos dan Tidung 12 peratus, Brunei, Sungai, Rungus, Bisaya dan Bumiputera Sabah hanya berjumlah 1.7 peratus, manakala akhir sekali berjumlah 10 peratus adalah kelompok lain-lain (UMNO, JASA, KEMAS, SPR, PKR, 2018).

Berdasarkan data mekanikal tersebut jelas menunjukkan penguasaan komuniti Bugis selaku pemilih terbesar bagi Parlimen Kalabakan. Dominasi orang Bugis di Parlimen Kalabakan sebenarnya dipengaruhi oleh beberapa konsesi pembalakan yang pesat dikelola oleh *British Borneo Timber*

Company (BBTC) pada awal tahun 1920-an, *British Bombay Burma Trading Company Limited* (BBBTL) dan *North Borneo Timber Company* (NBT) yang mula beroperasi pada 1 Januari 1953 (Rafidah et al., 2018). Semasa era pembalakan tersebut berlakunya migrasi domestik (dari daerah lain) dan antarabangsa (dari Sulawesi) secara besar-besaran orang Bugis ke Kalabakan untuk bekerja sebagai buruh pembalakan (Abdul Razak, 2017). Oleh itu, tidak menghairankan apabila Chief of Naval Staffs (CNS), Navy pada 1963 melaporkan bahawa lebih daripada separuh penduduk Tawau yang berjumlah 32,000 orang ialah penduduk berketurunan Indonesia (Rizal et al., 2006 dan Baszley Bee et al., 2009). Migrasi yang berlaku menyebabkan pembukaan beberapa penempatan balak seperti Brumas, Luasong Barantian dan beberapa kawasan lain.

Selepas operasi pembalakan oleh North Borneo Timber Company (NBTC) berakhir akibat kawalan pembalakan menerusi penguatkuasaan Enakmen Hutan 1968 oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sabah (Sabah-Forestry-Policy, 2018), buruh pembalakan yang kebanyakannya terdiri daripada komuniti Bugis telah keluar dari Pulau Sebatik dan menetap di beberapa kawasan di bawah Parlimentari Kalabakan hari ini seperti Merotai, Sungai Imam, Kampung Beruang, Sungai Udin dan beberapa perkampungan lain (Laenteng, 2018). Hal ini terbukti apabila ramai dalam kalangan penduduk kampung tersebut merupakan mantan buruh balak yang kaya dengan pengalaman pembalakan ketika bekerja sebagai buruh pembalakan.

ISU PENGUNDI BUGIS KALABAKAN

Salah satu hakikat yang perlu diterima adalah dulu dan kini komuniti Bugis sememangnya memainkan peranan yang cukup besar dalam menentukan penguasaan politik, sama ada di Sabah amnya dan di Kalabakan khususnya. Tidak menghairankan apabila Sabah terkenal sebagai jolokan *fix deposit* bagi UMNO/BN setiap kali menjelang pilihan raya umum (Zaini, Ramli, Eko, Amrullah et al., 2016). Perkara ini terbukti apabila kemasukan UMNO di Sabah pada tahun 1991 banyak dipengaruhi perkembangannya oleh komuniti Bugis. Atas hakikat tersebut, tidak menghairankan apabila sebelum pilihan raya ke-14 berlangsung, komuniti Bugis yang merupakan penyokong tegar BN

bagi Parlimen Kalabakan sering kali dihujani siulan sinis yang mengatakan komuniti Bugis “tiada hala tuju politik, disuap saja dengan beras pasti akan akur, menyokong parti pemerintah, kesetiaan dan sokongan membuta tuli dan tidak akan mampu membuat perubahan walaupun majoriti.” Segala tohmahan tersebut jika ditelaah dengan lebih mendalam sebenarnya berbau kritikan terhadap komuniti Bugis yang selama ini dilihat memainkan peranan yang cukup besar dalam memastikan UMNO/BN terus berkuasa, khususnya bagi Parlimen Kalabakan. Dalam kata mudah, Bugis dilihat sebagai benteng yang melindungi UMNO/BN di Sabah.

Menjelang pasca PRU-14, segalanya tampak berubah. Segala tohmahan negatif yang dilemparkan seakan terjawab, komuniti Bugis yang selama lebih 30 tahun berada di bawah pimpinan UMNO/BN dianggap cuma diam dan memberi sokongan membuta tuli walaupun pada dasarnya tidak sedikit pun memberi manfaat dalam pembangunan Kalabakan di bawah pimpinan Dato’ Abdul Ghafur Hj Saleh, kini bangkit membawa perubahan. Budaya politik kebisuan dan menurut sahaja yang diberikan gelaran selama ini oleh pihak berkepentingan dengan nada sinisnya disangkal sama sekali dengan pembuktian penerimaan dan seterusnya menyaksikan penglibatan komuniti Bugis dalam memacu agenda arus perubahan menerusi semboyan Parti Warisan menerusi slogan keramatnya “*Fight for Right*” dan “*Sabah for Sabahan*”.

Walau bagaimanapun, harus diingat bahawasanya angin perubahan ini bukanlah didorong oleh konotasi negatif berbaur sentimen lokal semata-mata seperti yang diketengahkan sebelum ini. Namun, hal yang lebih penting dapat disimpulkan dalam meneliti perubahan gaya politik komuniti Bugis kini adalah peningkatan ‘literasi politik’ dalam kalangan komuniti Bugis, khususnya generasi muda yang pastinya memainkan peranan yang cukup besar dan penting dalam usaha menjayakan agenda perubahan. Literasi politik yang dimaksudkan adalah terkait persoalan kesedaran, kefahaman dan penglibatan politik dalam kalangan komuniti Bugis khususnya di Kalabakan. Perkara ini seiring dengan apa yang dihujahkan oleh Crick (2000) yang menjelaskan bahawa literasi politik merupakan satu kelahiran pengetahuan, keterampilan dan sikap. Beliau menegaskan literasi politik bukan hanya sekadar pengetahuan politik, tetapi cenderung membuat rakyat lebih efektif dalam kehidupan bermasyarakat dan dorongan menjadi aktif dan keterlibatan secara rasmi ataupun secara sukarela.

BUGIS DI KALABAカン: ISU DAN PERDEBATAN

Jika di pantai barat nada dan lenggok tarinya memperlihatkan isu sentimen etnik terkait hak dan kebumiputeraan menjadi persoalan utama dalam perdebatan sehingga menimbulkan sentimen terhadap komuniti Bugis, bagi Kalabakan senarionya agak berbeza. Siulan sinis yang mempersoalkan hak dan status tidak menjadi isu utama meskipun di Parlimentari Kalabakan juga dihuni oleh beberapa kelompok etnik lokal yang juga cukup besar bilangannya seperti Tidung, Murut dan Bulungan. Perbezaan ini barang kali disebabkan oleh dominasi komuniti Bugis selaku pengundi terbesar Parlimentari Kalabakan yang menenggelamkan sentimen lokal dan menghadirkan persoalan baharu yang lebih mendasar terarah kepada kelompok dominan, iaitu isu pengundi komuniti Bugis dan politik, ketersediaan, penglibatan dan hak berpolitik dan penyatuan dalam berpersatuan.

KETERSEDIAAN, PENGLIBATAN DAN HAK BERPOLITIK

Berbicara tentang ketersediaan dalam berpolitik, sememangnya sejak pertapakan awal Bugis di Sabah telah memperlihatkan ketersediaan dalam berpolitik. Buktinya sejarah awal pertapakan Bugis di Sabah telah memperlihatkan penglibatan orang Bugis sebagai pemimpin lokal digelar ‘Pua Ado’ (Suraya, 2000). Berkesinambungan dari itu, penglibatan komuniti Bugis yang bermula dengan latar pimpinan lokal telah berkembang dengan menyaksikan keterlibatan komuniti Bugis dalam ruang lingkup yang lebih besar. Buktinya, pada era pemerintahan *United Sabah National Organisation* (USNO) telah memperlihatkan penglibatan komuniti Bugis iaitu Dato’ Seri Panglima Salim Bacho sebagai ADUN Kunak (Osman, 2008). Pelantikan ini merupakan antara lantikan terawal melibatkan komuniti Bugis dalam pentadbiran negeri Sabah sepanjang era penguasaan Parti USNO bermula tahun 1967–1976. Penglibatan komuniti Bugis dalam Parti USNO seterusnya disusuli oleh Tuan Haji Said Senang yang telah dilantik memegang jawatan penting iaitu Pembantu Menteri pada tahun 1994.

Di Kalabakan, keterlibatan etnik Bugis dilihat lebih awal. Ia bermula semasa UMNO bertapak di Sabah pada tahun 1991 yang memperlihatkan

penglibatan beberapa pemimpin lokal Bugis yang memainkan peranan yang sangat besar dalam meluaskan pengaruh UMNO pada awal pertapakannya di Sabah (Cahaya, 2018). Antara pemimpin Bugis yang terlibat pada awal pertapakan tersebut adalah seperti Tuan Andi Bandu Pilow (Timbalan Ketua Bahagian Tawau), Hajah Cahaya Sulaiman (Ketua Wanita UMNO Kalabakan), Dato' Dr. Patawari Hj Patawe (mantan Ahli Dewan Undangan Negeri, N.58 Merotai), Dato' Shamsul Alang (mantan Ketua Pemuda UMNO Tawau), dan Dato' Muis Hj Picho (Ahli Dewan Undangan Negeri, N. 60 Sebatik) (Andi Suryady, 2018). Kesemua sosok ini merupakan individu penting yang berperanan besar dalam sejarah awal pertapakan UMNO bukan sahaja di Parlimen Tawau atau Kalabakan tetapi juga di negeri Sabah amnya.

Pada hari ini, penglibatan orang Bugis dalam politik Kalabakan di bawah kepimpinan Parti Warisan kelihatan lebih aktif dan menonjol. Parti Warisan dilihat sangat menerima penglibatan komuniti Bugis dalam pentas politik Kalabakan. Kenyataan ini jelas terbukti apabila dalam PRU ke-14 baru-baru ini, Presiden Parti Warisan, Dato' Seri Panglima Hj. Mohd Shafie bin Hj Apdal telah mencalonkan beberapa orang anak Bugis iaitu Saudara Mamun Sulaiman bagi kerusi Parlimen Kalabakan, Saudara Sarifuddin Hatta bagi kerusi DUN Merotai dan Saudara Ismail Sennang bagi kerusi DUN Tanjung Batu. Pencalonan anak Bugis hampir mewakili semua kerusi di Parlimen Kalabakan melainkan DUN Sebatik yang diwakili oleh Saudara Hassan Ghani Pangiran Amir yang merupakan anak Tidung. Pencalonan tersebut selain mengiktiraf kedudukan Bugis sebagai salah satu penentu kuasa politik di Kalabakan, ia juga menjadi bukti penerimaan komuniti Bugis dalam Parti Warisan yang selama ini dilabelkan sebagai parti yang lebih mengangkat dan memperjuangkan satu-satu etnik sahaja.

Dari sisi lain, tindakan DSSA tersebut sangat diterima baik khususnya oleh generasi muda yang mengistilahkan tindakan tersebut sebagai politik matang yang pastinya akan membawa perubahan (Sarifuddin Hatta, 2018). Kesan penerimaan tersebut jelas apabila generasi muda yang sebelum ini memilih untuk tidak terlibat dalam politik, memilih berada di atas pagar dan tidak berdaftar sebagai pengundi kini turun beramai-ramai mengundi. Fenomena ini seiring dengan hujah Eko Prayitno, Zaini dan Saat (2016) dalam makalahnya yang memperlihatkan bagaimana golongan belia tampil

mengangkat isu-isu atau persoalan-persoalan utama yang membawa kepada penyertaan politik secara aktif dalam politik Sabah. Rentetan dari keadaan ini menyebabkan berlaku tsunami orang muda yang diakhiri dengan kemenangan Parti Warisan dan tamatnya penguasaan UMNO, bukan sahaja di parlimentar Kalabakan tetapi juga Sabah dan Malaysia umumnya (Mamun, 2018). Hal ini diakui sendiri oleh Ahli Parlimentar Kalabakan yang mengatakan:

Orang muda saja yang kasi menang Warisan... Budak2 Bugis... kalo orang tua masih kuat sama timbangan...

(Mamun, 2018)

PENYATUAN DALAM BERPERSATUAN

Salah satu hambatan yang paling besar dalam kalangan komuniti Bugis adalah ‘penyatuan dalam berpersatuan.’ Apa pun persatuan tanpa penyatuan tidak akan memberi impak dan apa-apa makna, apatah lagi bermanfaat kepada ahlinya. Dalam konteks komuniti Bugis di Sabah sebenarnya banyak persatuan yang mewakili etnik Bugis tetapi hanya dua persatuan yang dilihat aktif mewakili komuniti Bugis seperti Persatuan Komuniti Bugis Sabah (PKBS) dan Persatuan Perpaduan Rumpun Bugis Melayu (PRBM). Kewujudan dua persatuan ini mempunyai matlamat yang hampir sama iaitu berorientasikan kepada kepentingan komuniti Bugis seperti mengadakan aktiviti kemasyarakatan, menjaga kebajikan komuniti Bugis di Sabah, berusaha meninggikan taraf hidup mereka dari segi sosial, ekonomi, kebudayaan dan pendidikan dengan berlandaskan lunas-lunas Islam serta memelihara kesenian, kebudayaan dan tradisi komuniti Bugis yang sedia wujud.



Foto 1 Logo persatuan PPRBM (kanan) dan PKBS (kiri)

Antara kedua-dua persatuan ini, Persatuan Komuniti Bugis Sabah dengan slogannya ‘menakhoda komuniti sivil’ merupakan antara persatuan yang boleh dikatakan terawal di Sabah. Berdasarkan sejarah awal persatuan ini, presiden pertama disandang oleh Dr. Patawari Hj Patawe (1982–1985), kemudian digantikan oleh Dato’ Osman Hj Jamal (1984–1988) iaitu sebagai pemangku presiden namun pada tahun 1988–1990 beliau mula menyandang Presiden PKBS. Pada tahun 1990, jawatan tersebut bertukar dan digantikan oleh Bandy Pilo iaitu (1990–1991) (Dayang Cahaya, 2018), kemudian bertukar tangan kepada Abas Mohd Ali (1991–1992). Namun, jawatan itu tidak kekal lama dan diganti kepada Dato’ Osman Hj Jamal pada tahun 1992 hingga 2018. Kini, jawatan presiden disandang oleh Saudara Tuan Hj. Samsul Bahriy Marullah (2018–kini).

Berdasarkan data terkini (rujuk Jadual 1.1) untuk tempoh lima tahun iaitu 2013 hingga 2018 jumlah ahli PKBS yang berdaftar di Sabah adalah 11,241 orang ahli (Pirwandi, 2018). Jumlah ini boleh dikatakan agak membanggakan dan seterusnya menunjukkan penerimaan komuniti Bugis terhadap PKBS. Jika mengambil kira bilangan keseluruhan ahli berdasarkan tempoh masa kewujudan persatuan ini sejak tahun 1982–2018 iaitu selama 36 tahun, jumlah ahli keseluruhan kini hampir mencalah 80 ribu orang ahli di Sabah sahaja.

Jadual 1 Pecahan keahlian terkini PKBS mengikut daerah

BIL	PKBS DAERAH	JUMLAH (ORANG)
1.	TAWAU	2605
2.	KUNAK	133
3.	LAHAD DATU	2453
4.	SANDAKAN	2276
5.	KINABATANGAN	621
6.	KOTA KINABALU	1573
7.	KOTA BELUD	102
8.	KENINGAU	769
9.	BEAUFORT	138
10.	PAPAR	158
11.	SIPITANG	310
JUMLAH KESELURUHAN		11241

Sumber Pejabat PKBS, Kota Kinabalu, Sabah, 2018

Bagi PRBM pula, ia ditubuhkan pada 25 Ogos 2011 (Samsul, 2017). Presidennya merupakan tokoh perniagaan yang berjaya di Tawau iaitu Dato' Samsul Alang Hamsah dibantu oleh timbalannya Saudara Tasman Matto. Persatuan ini merupakan persatuan Bugis yang telah lama wujud di Semenanjung dan dibawa ke Sabah. Berdasarkan data keahlian, PRMBS mempunyai jumlah ahli yang lebih ramai dari PKBS iaitu hampir mencapai 200 ribu orang. Jumlah yang besar ini walau bagaimanapun bukanlah terdiri daripada komuniti Bugis Sabah sahaja tetapi juga komuniti Bugis Semenanjung Malaysia yang juga merupakan ahli persatuan tersebut.

Melihat kepada jumlah ahli yang ramai bagi kedua-dua persatuan ini, adalah wajar jika persatuan ini dikatakan sebagai persatuan yang aktif seiring dengan persatuan etnik lain di Sabah. Justifikasi sama ada aktif atau tidak diukur berdasarkan kepada program yang dijalankan dan mesyuarat tahunan yang dijalankan secara konsisten.

Kewujudan dua persatuan ini sebenarnya sangat baik kerana secara langsung menggambarkan betapa komuniti Bugis sedar tentang *unity* atau keperluan mempunyai persatuan. Namun, dari sisi lain, kewujudan dua persatuan yang dianggap memberi impak positif ini juga sebenarnya pada masa yang sama memberi signal negatif kepada komuniti Bugis dan masyarakat umum yang melihat keadaan tersebut bukan dari dimensi penyatuan semata-mata, melainkan simbol perpecahan bertitik tolak dari pemikiran yang wujud di benak fikiran masyarakat Bugis sendiri, persoalan mengapa perlu ada dua persatuan untuk etnik yang sama sedangkan matlamat perjuangan juga sama?

Hakikat yang harus diterima bagi menjawab persoalan tersebut tetapi sering dinafikan terkait kewujudan PKBS dan PRBM ini adalah wujudnya sentimen subetnik seperti Enrekan, Bone, Sinjai, Kaili dan Duri berakar umbi dari identiti kedaerahan yang masih kental dan lebih utama diberikan perhatian berbanding identiti kolektif yang dijelmakan dengan kata ‘identiti kebangsaan.’ Inilah yang dipercayai menjadi asas kepada wujudnya dua persatuan untuk satu etnik yang sama. Hal ini jelas dengan melihat contoh di Parlimentar Kalabakan khususnya apabila komuniti Bugis di Sabah lebih selesa memperkenalkan diri mereka dengan Bugis yang lain mengikut nama daerah seperti ‘Orang Bone’, ‘Orang Enrekan’, ‘Orang Sinjai’, ‘Orang Duri’ dan lain-

lain lagi. Identiti yang terhasil dari sentimen subetnik inilah yang menghalang kepada wujudnya satu identiti kolektif seperti ‘*The Buginese*’ sebagai simbol penyatu bagi etnik Bugis khususnya di Sabah. Atas sebab tersebut, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa perjalanan ke arah pembentukan satu identiti kebangsaan dalam konteks komuniti Bugis di Sabah masih jauh. Sebilangan besar komuniti Bugis lebih selesa mengidentitikan dirinya sebagai Melayu dan ini menjadi hambatan kepada kuasa politik Bugis, bukan sahaja di Parlimen Kalabakan tetapi juga di Sabah yang sepertutnya menjelaskan identiti Bugis dengan penuh bangga, bukan berselindung atas nama Melayu.

HALA TUJU BUGIS PASCA PRU-14

Menjelang pasca PRU-14, selepas berdepan suasana politik baharu pimpinan Parti Warisan yang ditafsirkan sebagai kematangan politik Bugis menerusi perubahan sokongannya. Satu perkara penting yang semestinya perlu difikirkan oleh pimpinan Bugis dan komuniti ini keseluruhannya ialah hala tuju dan masa depannya di Sabah selepas berkerajaan baharu. Kegembiraan atas perubahan yang membawa kepada peralihan kuasa perlu dihentikan segera dan cara fikir segelintir komuniti Bugis yang merasa lega kerana berjaya merubah pimpinan Kerajaan Negeri khasnya dan Parlimen Kalabakan khususnya perlu diketepikan sama sekali. Keterbukaan Parti Warisan di bawah pimpinan DSSA yang kini bersifat lebih terbuka mengambil kira suara kelompok minoriti dalam pemerintahannya merupakan peluang yang sangat besar kepada komuniti Bugis untuk tampil bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi juga politik.

Hal ini disebabkan sungguhpun pasca PRU-14 memperlihatkan beberapa orang Bugis diangkat menjadi pimpinan tertinggi sama ada dalam parti politik pembangkang maupun kerajaan negeri kini sehingga memegang jawatan Pembantu Menteri Kewangan Sabah, namun bagi jawatan penting melibatkan *Government Link Company* (GLC) di Sabah sosok komuniti Bugis masih tidak kelihatan dan mendapat tempat walaupun terdapat dalam kalangan mereka yang layak. Kenyataan ini terbukti apabila mantan presiden PKBS, Dato’ Osman Jamal (2007) dalam Seminar Komuniti Bugis ketika membentangkan makalah beliau berjudul ‘Isu, Cabaran dan Masa Depan

Bugis Sabah' turut menegaskan bahawa dalam memartabatkan komuniti Bugis di Sabah sememangnya tidak cukup dengan penguasaan ekonomi semata-mata melainkan juga penguasaan politik (Osman, 2008). Hasrat mantan PKBS itu disambut baik oleh Dato' Shamsul Alang menerusi kenyataannya iaitu;

Masyarakat Bugis tidak diberikan peranan dalam politik walhal Bugis sejak dulu lagi telah memberikan sokongan pada calon BN... ini terbukti semasa pilihanraya umum ke-13 yang lalu... tetapi setelah menang komuniti Bugis dilupakan...

(*Utusan Borneo*, 2017)

Landasan politik ini sangat penting kerana ia merupakan saluran utama untuk menyampaikan hasrat komuniti Bugis dan seterusnya menonjolkan keberadaan etnik Bugis di Sabah yang sekian lama seakan diketepikan peranannya dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Hal ini penting agar etnik Bugis di Kalabakan khususnya dan di Sabah keseluruhannya tidak hanya dianggap penting menjelang pilihan raya umum atas keperluan undi demi kelangsungan dan kepentingan politik semata-mata.

KESIMPULAN

Berdasarkan apa yang telah dibahaskan di keseluruhan makalah ini, adalah jelas bahawa latar sejarah Sabah sememangnya banyak memperlihatkan keberadaan dan keterlibatan komuniti Bugis, bukan sahaja dalam pembangunan ekonomi Sabah tetapi juga pembangunan politik awal di Sabah. Hakikat ini berkelangsungan sehingga hari ini di bawah pentadbiran baharu kerajaan Parti Warisan. Sungguhpun hakikat sejarah tersebut banyak menyaksikan keterlibatan komuniti Bugis di Sabah, sehingga kini ia masih tidak dapat menghilangkan tanggapan sosiologikal dan meletakkan komuniti Bugis dalam kedudukan yang setaraf dengan komuniti lain. Berlandaskan hakikat tersebut, barang kali sudah sampai masanya komuniti Bugis dianggap sebagai satu komuniti yang perlu diketengahkan, diakui dan diberi peluang yang sama seperti komuniti lain di Sabah. Hal ini penting dalam memastikan sokongan berterusan komuniti Bugis Sabah pada Parti Warisan menjelang PRU-15. Usaha ini sangat perlu dalam menterjemah agenda Parti Warisan pimpinan Datuk Seri Shafie Apdal yang diketahui umum mengangkat suara

semua komuniti di Sabah secara adil dan saksama. Walaupun demikian, harus diingat bahawa makalah ini bukanlah bertujuan mengangkat komuniti Bugis untuk melebihi komuniti lain, jauh sekali menginginkan sesuatu yang berlebihan. Ia hanya sekadar satu usaha kecil atas realiti hari ini dan citra sejarah Sabah yang sering kali menyaksikan peranan komuniti ini tetapi sering diketepikan.

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah atas pemberian dana penyelidikan bagi projek penyelidikan khas kajian politik dan pilihan raya negeri Sabah 2017 (KOD: SDK0036–2018). Penghargaan juga diberikan kepada Dr. Jane Wong Kon Ling, Marja Azlima Omar dan Azyatul Nurhani atas bantuan dalam menyiapkan makalah ini. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang turut terlibat dan memberi idea dan sumbang saran dalam menyempurnakan makalah ini.

NOTA

¹ Puado merupakan ringkasan bagi Puang Ade yang bermaksud tuan adat atau tuan hakim. Nama sebenar Puado ialah Latoampong bin Andi Buku@Hj Hasan. Beliau adalah tuan adat ketika berada di wilayah Bone, Sulawesi selatan sebelum melarikan diri ke Kalimantan ketika berlakunya pemberontakan di wilayah asalnya.

RUJUKAN

- Amrullah Maraining & Ramli Dollah. (2018). Bot penambang Pulau Sebatik-Tawau: potensi dan cabaran. Dlm. Ramli Dollah *et al.* (Eds.). *Pulau Sebatik: Pulau Dua Negara yang Terpinggir di Malaysia*. Yogyakarta: LP3M, Universitas Muhamadiyyah Yogyakarta.
- Amrullah Maraining, Emilia R., & Ramli Dollah. (2018). Sektor ‘rasmi’ dan ‘tidak rasmi’ dalam ekonomi perbatasan di Pulau Sebatik. Dlm. Ramli Dollah *et al.* (Eds.). *Pulau Sebatik: Pulau Dua Negara yang Terpinggir di Malaysia*. Yogyakarta: LP3M, Universitas Muhamadiyyah Yogyakarta.
- Asmiaty Amat. (2013). *Bugis Sabah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara (ITBN).

- Baszley Bee Basrah Bee, Sabihah Osman & Nordin Sakke. (2009). *Asas kajian persempadan negeri Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Cheah Boon Kheng. (2002). *Malaysia: The making of nation*. Singapore: Institute of Southeast Asian.
- Chin, J. (1994). The Sabah State Election of 1994: End of Kadazan unity. *Asian Survey*, 34 (10), 904–915.
- Crick, B. (2000). *Essay on citizenship*, New York: Continuum.
- Eko Prayitno Joko. (2014). Isu pemilikan wilayah pantai timur Sabah: Satu penelusuran daripada sudut sumber sejarah. *Jurnal Kinabalu*, 20, 1–34
- Eko Prayitno Joko, Zaini Othman & Saat Awg. Damit. (2016). Belia dan kelangsungan hegemoni Barisan Nasional: Kajian kes Pilihan Raya Umum ke-13 di Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo (Edisi Khas)*. 1–18.
- Foucault, M. (1979). *The birth of biopolitics: Lecture at the college de France*. London: Palgrave Macmillan.
- Goodlet, K. J. (1977). The origin and early development of the Tawau community 1880–1942. *Unpublished Doctoral Dissertation*, University Sydney.
- Goodlet, K. J. (2010). *Tawau: The making of a tropical community*. Kota Kinabalu: Opus Publication. Diakses daripada <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sabah/20170527/281981787537563>. Dilayari pada 27 May 2018.
- Lee Kuok Tiung & Mohd Safar Hashim. (2016). Artikulasi isu- isu sejarah dalam media massa di Malaysia. *Jebat*, 43 (1), 1–18.
- Lee Kuok Tiung. (2015). Pembingkaian berita isu Tanah Hak Adat Anak Negeri (NCR) dalam akhbar tempatan Sabah: Analisis perbandingan antara Daily Express dan New Sabah Times. *MANU*, 22, 107–136.
- Marja Azlima Omar *et al.* (2006). The flow of goods and remittance in Sabah. *Sabah Society Journal*, 23, 49–69.
- Md. Saffie Abd. Rahim. (2007). Jepun di Borneo Utara: Migrasi dan kegiatan ekonomi, 1884–1941. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Md. Saffie Abd. Rahim. (2016). *Migrasi Jepun di Sabah: Impaknya kepada ekonomi, 1880an hingga 1980an*, Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia.
- Milner, A. (1982). *Kerajaan: Malay political culture on the eve of colonial rule*. Tucson: University Arizona.
- N. Vellymalay, Suresh Kumar. (2014). Indian vote flow in general election 2013: An analysis. *Kajian Malaysia*, 32 (2), 55–88.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (2009). *Konfrontasi Malaysia- Indonesia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norhayati Mohd. Salleh. (2008). Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12): ‘Tsunami’ politik Melayu? *JEBAT*, 35, 49–64.
- Osman Jamal *et al.* (2007)). *Prosiding Bugis Sabah 2007: Memperkasa citra dan jati diri*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

- Osman Jamal. (2008). Isu cabaran dan masa depan komuniti Bugis Sabah dalam Osman Jamal *et al.* (Eds.), *Prosiding Bugis Sabah: Memperkasa citra dan jati diri*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Portal Rasmii Jabatan Perhutanan Negeri Sabah. (2017). Diakses daripada <http://forest.sabah.gov.my/my/hubungi-kami/11-info-jps/teroka/polisi/20-sabah-forestry-policy>.
- Puyok, A. & Bagang, T. P. (2011). Ethnicity, culture and indigenous leadership in modern politics: The case of the Kadazandusun in Sabah, East Malaysia. *Jurnal Kajian Malaysia*, 29 (1), 177–197.
- Puyok, A. (2008). Ethnic factor in the 2008 Malaysian General Election: The case of the Kadazan Dusun (KD) in Sabah. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 35, 1–16.
- Rafidah Aras, Md Shaffie Abd. Rahim & Amrullah Maraining. (t.t.) Industri pembalakan di Wallace Bay di bawah NBT. Dlm. Ramli Dollah *et al.* *Sejarah Pulau Sebatik, Tawau, Malaysia*, Universiti Malaysia Sabah (manuskrip belum diterbitkan).
- Rahman, D. M. F. A. (2016). Trend pengundian dan dinamika politik Cina di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 1 (1), 14–24.
- Ramli Dollah & Eko Prayitno Joko. (2015). Dasar ‘Memakmurkan Jiran’ dan penglibatan Malaysia dalam proses keamanan di Selatan Filipina. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 42 (1), 77–112.
- Ramli Dollah & Kamarulnizam Abdullah. (2017). Kepesatan pembangunan ekonomi dan dasar tenaga kerja di Sabah, 1960an–1980an. *MANU*, 25, 49–74.
- Ramli Dollah & Kamarulnizam Abdullah. (2018). The securitization of migrant workers in Sabah, Malaysia. *Journal of International Migration & Integration (JIMI)*, 19 (3), 717–735.
- Ramli Dollah, Marsitah Mohd Radzi, Wan Shawaluddin Wan Hassan & Amrullah Maraining. (2015). Elemen fizikal dan bukan-fizikal dalam pembentukan sempadan: Pengalaman pembentukan identiti dalam kalangan komuniti sempadan di Pantai Timur Sabah, Malaysia. *Geografi*, 11 (7), 9–20.
- Rizal Zamani Idris, Ramli Dollah & Marja Azlima Omar. (2006). Bengkel Kajian Persempadanan di Negeri Sabah. *Isu Keselamatan Persempadanan Negeri Sabah dan Tuntutan terhadap Kepulauan Spratly*, Kota Kinabalu, Universiti Malaysia Sabah.
- Sofyan Sjaf. (2014). *Politik etnik: Dinamika politik lokal di Kendari*. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Suraya Sintang & Mohd. Sarim Mustajab. (2008). Sejarah awal komuniti Bugis di Tawau, Sabah 1882–1931. Dlm. Osman Jamal *et al.* *Prosiding Bugis Sabah: Memperkasa Citra dan Jati Diri*. Kota Kinabalu, Universiti Malaysia Sabah.
- Suraya Sintang. (2016). *Sejarah dan budaya Bugis di Tawau, Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit UMS.

- Syed Abdul Razak Sayed Mahadi *et al.* (2017). *Pengaruh jaringan sosial ke atas migrasi pekerja Bugis-Indonesia ke Sabah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Syed Husin Ali. (2017). *Sejarah rakyat Malaysia: Khususnya perkembangan nasionalisme*. Petaling Jaya: Strategic, Information and Research Development Centre (SIRD).
- Utusan Borneo*. (9 Sept 2017). PRBM lulus resolusi agar ahlinya diberi kerusi Parliment dan DUN.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Md Saffie. Abd Rahim. (2008). Pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pilihan raya 2008 di Sabah, *14*, 132–142
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. (2008). Isu-isu keselamatan di Sabah dan impak kepada Malaysia. *JATI: Jurnal Jabatan Asia Tenggara Universiti Malaya*, *13*, 49–68.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. (2011). *Pendatang dan keselamatan di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan *et al.* (2012). Illegal immigrants and the elections in Sabah, Malaysia. *Korean Review of Crisis and Emergency Management*, *8* (3), 249–267.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, Ramli Dollah & Dewi Herviani. (2015). Tenaga Kerja Indonesia (TKI) Bugis dalam sektor perladangan kelapa sawit di Sabah. *MANU*, *22*, 61–79.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, Zaini Othman & Ramli Dollah. (2008). Pemerintah dan pendatang asing di Sabah: Satu analisis kritikal, *MANU*, *14*, 1–23.
- Warren J. F. (1985). *The Sulu Zone 1768–1898*. Philippines: New Day Publisher.
- Zaini Othman, Eko Prayitno Joko, Ramli Dollah, Amrullah Maraining & Kim Jong Eop. (2016). Malaysia's 13th General Election: Sabah-Barisan Nasional fixed deposit state? *Southeast Asia Review*, *26* (3), 91–118.

TEMU BUAL

- Temu bual bersama Andi Suryady Andi Bandu, Timbalan Ketua Bahagian UMNO Kalabakan, pada 15 Ogos 2018.
- Temu bual bersama Andy Suryady bin Andi Bandu, Ketua Bahagian UMNO Kalabakan, pada 17 Ogos 2018.
- Temu bual bersama Hajah Dayang Cahaya Sulaiman, Ketua Wanita UMNO Kalabakan, pada 17 Ogos 2018.
- Temu bual bersama Laenteng Hj Hussien, bekas buruh pembalakan NBT di Kampung Wallace Bay dan Bromas, pada 15 Ogos 2018.
- Temu bual bersama Pirwandi Pardi, Setiausaha kerja PKBS di Ibu Pejabat PKBS, Kota Kinabalu, 2018.

Temu bual bersama Presiden Dato' Samsul Alang Hamsah, Presiden Persatuan Perpaduan Rumpun Melayu Bugis Sabah (PRMBS), pada 12 Mac 2017.

Temu bual bersama YB Mamun Sulaiman, Ahli Parlimen Kalabakan, pada 12 Jun 2018.

Temu bual bersama YB Sarifuddin Hatta, Ahli Dewan Undangan Negeri Merotai, pada 11 Jun 2018